

## Tahap Keruntuhan Akhlak Remaja: Kajian Kes UTHM Pagoh

### *Levels of Adolescent Moral Decline: A Case Study of UTHM Pagoh*

Arwansyah Kirin<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA

\*Pengarang Utama: arwansyah@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2024.04.01.004>

#### Maklumat Artikel

Diserah: 26 Mei 2024

Diterima: 19 Jun 2024

Diterbitkan: 30 Jun 2024

#### Kata Kunci

Keruntuhan akhlak, pelajar, UTHM, Pagoh

#### Abstrak

Keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja bukan suatu perkara yang baru dalam masyarakat kita pada masa kini. Terdapat pelbagai kes yang telah berlaku di negara kita seperti masalah lumba haram, buang bayi, merokok dan melayari video lucu, hal ini kerana kurangnya didikan agama daripada orang tua, pengaruh media masa dan orang sekeliling serta niat ingin mencuba sesuatu yang baru. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar UTHM Pagoh. Metodologi yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif dengan analisis deskriptif iaitu menggunakan platform "Google Form" yang disebarkan melalui Whatsapp, Instagram, Telegram dan sebagainya. Jumlah responden yang telah berjaya dikumpul adalah seramai 157 pelajar UTHM Pagoh. Kajian ini mendapati bahawa tahap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar UTHM Pagoh berada pada tahap rendah ertinya akhlak yang baik dan mulia masih ramai tertanam dalam jiwa pelajar sama ada lelaki mahupun perempuan.

#### Keywords

Moral degradation, students, UTHM, Pagoh

#### Abstract

Moral degradation among teenagers is not a new issue in our society today. Various cases have occurred in our country, such as illegal racing, baby dumping, smoking, and watching pornographic videos. This is due to a lack of religious education from parents, the influence of mass media and peers, as well as the desire to try something new. Therefore, this study aims to examine the level of moral degradation among UTHM Pagoh students. The methodology used is quantitative with descriptive analysis, utilizing the "Google Form" platform distributed through WhatsApp, Instagram, Telegram, and others. The total number of respondents collected was 157 UTHM Pagoh students. This study found that the level of moral degradation among UTHM Pagoh students is low, meaning that good and noble morals are still deeply rooted in the students, both male and female.

## 1. Pendahuluan

Seorang individu akan kekal nama dan memiliki maruah tinggi jika sempurna akhlaknya. Namun begitu, apabila akhlaknya runtuh, maka runtuh pulalah keperibadian individu tersebut. Kata-kata ini adalah rumusan yang dapat diambil daripada peristiwa sejarah umat manusia dan tamadunya. Akhlak adalah syarat mutlak kepada kemajuan umat dan ketinggian tamadun serta syarat mutlak kepada keberkekalannya hingga hujung hayat. Akhlak boleh ditafsirkan sebagai budi pekerti dan sifat-sifat mulia. Setiap orang hendaklah mempunyai akhlak baik atau sifat-sifat mulia kerana dengan mempunyai budi pekerti tersebut, manusia akan dapat hidup dengan aman dan bahagia. Oleh itu, sudah semestinya kebahagiaan perlu dimiliki oleh semua orang kerana keadaan itu fitrah semula jadi. Rangkaian di antara iman, ilmu, akhlak dan amal mestilah wujud pada semua manusia kerana keempat-empat elemen tersebut saling berkait antara satu sama lain. Dalam pada itu, keluarga pula merupakan antara pengaruh utama dalam kehidupan seorang remaja. Ini kerana keluarga merupakan penyebar sosialisasi pertama yang ditemui sejak mereka dilahirkan ke dunia. Kegagalan ibu bapa dalam mendidik anak-anak akan menjejaskan masa depan mereka yang menyebabkan mereka terjerumus kepada keruntuhan akhlak serta tidak mampu membentuk diri mereka menjadi orang yang berguna dan berwawasan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat [1], remaja bermaksud orang yang mulai dewasa, akil baligh dan cukup umur untuk berkahwin. Remaja adalah individu yang berumur dalam lingkungan 12 hingga 21 tahun. Remaja daripada perspektif Islam dibahagi kepada dua peringkat, iaitu peringkat selepas bermimpi yang usianya bermula pada 12 tahun atau 13 tahun sehingga ke usia 21 tahun dan peringkat kedua iaitu peringkat kematangan bermula daripada usia 22 tahun hingga 30 tahun [2]. Menurut Abdullah Nashih Ulwan [3], peringkat pertama dianggap remaja iaitu bermula daripada tahap baligh (sampai umur untuk dipertanggungjawabkan dalam hal ehwal agama) hingga ke usia 21 tahun. Remaja atau adolescence berasal daripada bahasa Latin, iaitu *adolescere*, yang bermaksud semakin meningkat kematangan [4]. Ia adalah satu proses perkembangan dan bukannya satu jangkamasa [5]. Proses perkembangan ini merupakan satu proses untuk memantapkan identiti individu dan bermulanya perubahan-perubahan pada tubuh, badan, kematangan dalam berfikir, perkembangan emosi, penyesuaian diri kepada kehidupan bermasyarakat, dan kesediaan untuk berperanan sebagai orang dewasa [6].

Manakala G. Stanley Hall, sepertimana dipetik oleh A. Muhd Mansur & M.T. Siti Nordinar [7], menjelaskan bahawa remaja adalah satu tempoh atau waktu yang penuh dengan konflik dan masalah. Malah G. Stanley Hall turut menjelaskan bahawa alam remaja diakhiri dalam lingkungan umur 22 hingga 25 tahun [7]. Remaja yang diperkatakan dalam penulisan ini ialah golongan remaja yang terpengaruh dengan anasir-anasir negatif yang datang daripada luar sehingga merosakkan akhlak mereka. Akhlak remaja menjadi rosak apabila mereka terjebak dengan perlakuan-perlakuan di luar batas kesucilaan masyarakat. Keruntuhan pula didefinisikan sebagai kerosakan dan kejatuhan [8]. Keruntuhan yang dimaksudkan dalam penulisan ini ialah keruntuhan akhlak remaja pada masa kini. Ertinya rosaknya akhlak remaja apabila mereka melakukan perbuatan yang menyimpang daripada ajaran agama Islam dan budaya Barat seperti terlibat dengan seks bebas, berkhalwat, lari dari rumah, penagihan dadah dan minuman keras, lumba haram dan penglibatan remaja dalam jenayah seperti mencuri, merompak, merogol, meliwat dan membunuh. Akhlak itu sendiri memberi maksud budi pekerti, kelakuan, tingkah laku manusia dan tabiat sama ada baik atau jahat [1]. Menurut Kamus Za'ba [8], akhlak memberikan dua pengertian iaitu watak dan pengertian kedua boleh ditinjau daripada beberapa aspek sama ada daripada pandangan ahli falsafah Islam, tokoh-tokoh agama, al-Quran, hadis dan ahli sufi. Misalnya, akhlak yang baik ialah benar, ikhlas, syukur, amanah, menepati janji, sabar, pemaaf, pemurah dan lain-lain manakala akhlak yang tidak baik ialah dusta, sombong, takbur, dengki, dendam, mengumpat, riak, khianat dan lain-lain. Menurut Abdul Hafiz, Zakaria & Ahmad Munawar pula, akhlak bermaksud perangai, tabiat, dan budi pekerti [9]. Imam Al-Ghazali [10] (1988) menjelaskan bahawa akhlak merujuk kepada suatu keadaan dalam jiwa (*al-nafs*) manusia yang tetap dan mantap, yang melahirkan perbuatan dan perlakuan dengan senang dan mudah tanpa perlunya berfikir dan membuat apa-apa pertimbangan lagi. Sekiranya keadaan dan suasana dalaman tersebut memandu seseorang melakukan perbuatan yang baik, seperti amanah, sabar, adil, berani, sederhana, dan sebagainya, maka seseorang itu boleh dikatakan mempunyai akhlak yang baik. Sekiranya berlaku sebaliknya, seseorang itu akan dikatakan tidak berakhlak jika keadaan dan suasana tersebut merealisasikan perbuatan yang jahat, seperti munafik, penakut, zalim, tidak sabar, melampaui batas, dan sebagainya [11].

Oleh itu, akhlak tidak merujuk kepada perbuatan baik atau buruk yang dilakukan oleh seseorang, tetapi ia merujuk kepada dimensi rohaniah yang mendesak seseorang supaya melakukan sesuatu perbuatan, samada baik atau buruk. Akhlak merupakan bahagian dalaman (*kejiwaan*) seseorang, sementara perbuatan adalah bahagian luaran. Akhlak menjadi penyebab kepada sesuatu perbuatan, manakala perbuatan pula memanifestasikan keadaan dan suasana *kejiwaan* tersebut. Akhlak yang baik merealisasikan tingkah-laku yang baik; dan akhlak yang buruk merealisasikan tingkah-laku yang keji dan tidak bermoral [12]. Akhlak yang dimaksudkan dalam penulisan ini ialah akhlak buruk yang dimiliki oleh remaja sehingga tercetusnya permasalahan sosial dalam masyarakat dan negara. Dasawarsa ini, tingkah laku berisiko dalam kalangan remaja bukan lagi menjadi suatu perkara asing. Sehubungan dengan itu, pergaulan bebas sehingga berlakunya

perbuatan zina di kalangan remaja termasuklah remaja Islam juga dilihat amat membimbangkan. Belia yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 24 tahun dilaporkan paling kerap melakukan hubungan seks dan melahirkan anak luar nikah [13]. Bagi kes pembuangan bayi, statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula menunjukkan bahawa sebanyak 396 kes dicatatkan dari tahun 2005 hingga 2009 dan sebahagian besar adalah remaja berusia antara 18 hingga 25 tahun [14]. Bagi kes kelahiran anak luar nikah pula, Statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) merekodkan bahawa pada tahun 2000 hingga 2008, sebanyak 257,000 kelahiran bayi yang didaftarkan tidak mempunyai nama bapa. Ini bermakna secara purata 2,500 kes anak luar nikah direkodkan setiap bulan atau hampir 84 kes pada setiap hari. Penglibatan belia dalam kes penyalahgunaan dadah pula semakin meruncing dengan bertambahnya jumlah penagih dadah pada setiap tahun. Hal ini semua akan memberi dampak dan akibat yang tidak baik bagi masa depan individu tersebut, ianya juga merosakkan nama baik keluarga, mendapat kecaman daripada orang banyak. Dalam lingkungan masyarakat pula orang yang tidak berakhlak ini selalu ditohmah sebagai sampah masyarakat bahkan diharapkan agar dijauhkan wujudnya dari kampung tersebut. Keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja tidak boleh disalahkan daripada remaja itu semata-mata, hal ini kadang berpunca daripada didikan orang tua yang sambil lewa, kurang memberikan kasih sayang, pergaulan teman sebaya yang tidak dikontrol, lambakan media sosial yang hanya boleh dipetik dihujung jari dan sebagainya. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk membuat kajian terhadap keruntuhan akhlak pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Pagoh dan beberapa cadangan penyelesaian kepada isu ini.

## 2. Kajian Literatur

Sepanjang kajian ini dijalankan, beberapa usaha telah dilakukan untuk mengkaji tentang tahap keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja. Antara kajian yang telah dilakukan adalah bertajuk : Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam oleh Nasarudin Desa et al., [15] yang telah membincangkan isu-isu semasa berkaitan keruntuhan akhlak remaja. Menurut artikel tersebut, keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja dapat ditangani dengan menghayati al-Quran dan al-Sunnah. Al-Quran dan al-Sunnah dapat dijadikan penanda aras untuk menentukan antara hak dan batil serta hukum hakam dalam kehidupan seharian. Dalam artikel tersebut turut mencadangkan pelaksanaan undang-undang berteraskan panduan al-Quran dan al-Sunnah kerana jelasnya undang-undang mengikut al-Quran dan Sunnah sangat adil dan telus. Seterusnya, menjadikan Rasulullah sebagai teladan atau role model kerana seperti yang kita telah ketahui, Rasulullah mempunyai banyak kisah dan pengajaran yang boleh kita ambil untuk membentuk sahsiah diri. Selain itu, dalam membentuk akhlak manusia, teguran yang baik juga perlu disertakan dengan kisah pengajaran. Teguran yang baik dapat memberi penerimaan yang baik terhadap individu. Kita juga ditegaskan untuk tidak mencela kesalahan yang telah dilakukan oleh seseorang individu.

Di samping itu, terdapat artikel yang turut membincangkan tentang Permasalahan Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Remaja Muslim Di Malaysia: Isu, Cabaran Dan Penyelesaian oleh Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al. [16]. Artikel ini membincangkan tentang punca-punca keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja antaranya adalah kurang didikan agama. Kurangnya didikan agama berpunca daripada latar belakang keluarga yang tidak menitik beratkan perihal agama dek kerana kesibukan ibu-bapa. Masalah dalaman keluarga yang tidak memberikan sepenuhnya perhatian terhadap perkembangan anak-anak mereka dapat mengakibatkan keruntuhan akhlak anak-anak. Untuk menyelesaikan permasalahan ini perlu menerapkan asas ilmu agama dalam diri anak-anak ketika mereka masih kecil kerana usia pada waktu itu masih senang untuk dibentuk. Seterusnya ialah memperkukuhkan peranan keluarga dalam perkembangan anak-anak dan memantau pergaulan mereka agar tidak salah memilih kawan. Kajian yang dibuat oleh Mohd Roslan Mohd Nor [17] yang bertajuk: Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden : Keruntuhan Akhlak, menyimpulkan bahawa keruntuhan akhlak disebabkan oleh beberapa faktor luaran seperti persekitaran yang tidak sihat, pengaruh budaya asing yang negatif dan pengaruh persahabatan. Ia juga boleh disebabkan oleh diri sendiri seperti mempunyai sifat ingin tahu, kurang penghayatan tentang agama dan mempunyai sifat keperibadian yang lemah. Selain itu, kajian yang dibuat oleh Nurul Izzah [18] yang bertajuk: Impak Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar: Satu Tinjauan Awal, menyimpulkan bahawa media sosial memberi impak negatif yang ketara ke atas pembaziran masa di kalangan masyarakat terutamanya pelajar yang suka melayari laman web tidak bermanfaat. Walau bagaimanapun, media sosial mampu menyalurkan unsur-unsur positif apabila digunakan kearah kebaikan seperti menyebarkan dakwah, menerapkan nilai positif dan menyampaikan maklumat yang benar.

Berdasarkan kajian Ghazi [19] yang bertajuk : Pemulihan Akhlak Remaja Melalui Pendekatan Tahfiz di Malaysia. Ia menyatakan bahawa akhlak adalah suatu perkara yang amat penting berperanan sebagai penanda aras dalam pembangunan sesebuah tamadun. Menurutnya, keruntuhan akhlak datang daripada pelbagai sumber dan faktor. Antaranya adalah institusi keluarga yang tidak menitikberatkan pendidikan agama kepada jiwa remaja, dan juga kesibukan ibu bapa yang mengutamakan duniawi daripada mendidik anak-anak dengan didikan agama yang secukupnya. Tambahan pula, pengaruh rakan sebaya juga memainkan peranan penting

dalam mempengaruhi akhlak remaja dan aktiviti sosial yang mana ianya dapat memberikan suatu pengalaman yang mustahil didapati daripada keluarga mahupun dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Bagi mereka, rakan sebaya inilah pengganti ibu bapa tempat mencurahkan masalah yang mereka alami sendiri [20]. Menurut Ghazi [19], akhlak seorang remaja dapat dibentuk melalui pendekatan dalam bidang tahfiz al-Quran. Hal ini kerana, al-Quran dan sunnah adalah ajaran dan petunjuk sebenar dalam menilai kualiti kecemerlangan dan pendirian sesebuah tamadun. Selain itu, pengajian tahfiz al-Quran menitikberatkan faktor disiplin pelajar di sekolah, dimana undang-undang yang diletakkan adalah lebih ketat berbanding sistem pendidikan biasa [15]. Oleh itu, pengajian tahfiz dikatakan mampu membentuk akhlak seseorang manusia dan tamadun. Robiah [21], memberi pendapat bahawa kepercayaan dan pendekatan agama merupakan satu tenaga yang unggul untuk mencegah dan menentang unsur negatif yang mampu memberi kesan buruk kepada mental dan emosi seseorang. Tambahan lagi, pegangan prinsip dan pendirian kukuh berlandaskan pendidikan agama dapat mencegah satu tamadun itu daripada dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif seperti pergaulan bebas, dan melampaui batas agama. Selain daripada itu, Sarina [22] juga ada mengatakan bahawa pendidikan agama mampu memberi kesan kepada pembentukan dan perkembangan diri seorang remaja. Oleh itu, beberapa kajian barat mendapati bahawa agama bertindak sebagai faktor pelindung kepada perlakuan yang menyalahi undang-undang seperti mencuri, merosakkan harta benda, merompak dan terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah dalam kalangan golongan muda [23]

### 3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian membawa maksud teknik atau cara mengumpul dan menganalisis data untuk mendapatkan sesuatu hasil yang mampu menyokong kajian tersebut. Setiap kajian perlu mempunyai matlamat yang tersendiri iaitu untuk menghasilkan kajian yang baik. Kepentingan metodologi kajian ini adalah untuk membantu memahami dengan lebih luas atau lebih terperinci lagi tentang kaedah yang dilaksanakan dengan membuat huraian berkaitan kajian ini. Ia juga adalah sangat penting terhadap sesuatu kajian yang dijalankan bagi memberikan garis panduan dalam bentuk penulisan laporan. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif terhadap keruntuhan akhlak remaja dalam kalangan mahasiswa di UTHM Pagoh. Teknik yang dipilih untuk melakukan kajian tinjauan ini adalah dengan menggunakan soal selidik. Hal ini kerana soal selidik adalah cara yang praktikal dan paling berkesan untuk mendapatkan maklumat [24]. Soal selidik ini melibatkan 157 orang pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Pagoh, Johor dengan menggunakan "Google Form". Google Form digunakan untuk mengumpul, memantau, menjana undian, soal selidik, kuiz dan berbagai perkara yang memerlukan penerimaan maklum balas daripada pengguna lain. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan persampelan rawak di mana kesemua sampel dalam populasi ini mempunyai peluang yang sama untuk terpilih menjadi responden [25].

Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D. Bahagian A mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat latar belakang responden, manakala bahagian B, C dan D mengumpul data mengenai tahap keruntuhan akhlak, implikasi dan perkara yang mampu meningkatkan akhlak mulia di UTHM Pagoh. Bahagian A adalah soal selidik berkaitan dengan maklumat diri responden. Pengkaji membina soalan untuk maklumat ini bertujuan mendapatkan latar belakang subjek kajian seperti jantina, umur, bangsa, agama, tahun pengajian dan fakulti. Manakala, bahagian B pula mengandungi soalan yang berhubung dengan tahap keruntuhan akhlak dan tingkah laku di mana responden diberi 5 pilihan yang berkaitan dengan tahap kekerapan responden melakukan tingkahlaku yang meruntuhkan akhlak. Seterusnya, bahagian C soalnya menjurus kepada implikasi akhlak bagi kehidupan dan bahagian D menjurus kepada perkara-perkara yang mampu meningkatkan akhlak seseorang. Untuk Bahagian B, setiap soalan akan dikira skor dengan menggunakan skala Likert di mana skala 1 adalah tidak pernah (TP), skala 2 mewakili jarang-jarang (JJ), skala 3 mewakili kadangkala (KK), skala 4 mewakili kerap (K) dan skala 5 mewakili sangat kerap (SK). Untuk Bahagian C dan D, setiap soalan akan dikira skor dengan menggunakan skala Likert di mana skala 1 adalah sangat tidak setuju (STS), skala 2 mewakili tidak setuju (TS), skala 3 mewakili kurang setuju (KS), skala 4 mewakili setuju (S) dan skala 5 mewakili sangat setuju (SS). Skor untuk setiap soalan akan dijumlahkan dan dipersembahkan dalam nilai frekuensi (kekerapan), peratus, min dan sisihan piawai. Pengiraan untuk mendapatkan skor min adalah menggunakan perisian Statistic Package for Social Science (SPSS 2.3). Data yang diperolehi daripada kajian rintis ini dianalisis dengan menggunakan perisian (SPSS 2.3). Tambahan pula, instrumen yang dihasilkan dalam bentuk elektronik seperti menggunakan platform Google Form telah diedarkan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi media sosial seperti Whatsapp, Telegram dan e-mel. Tempoh untuk instrumen diedarkan adalah pada awal bulan November 2023 sehingga Disember 2023.

## 4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

### 4.1 Demografi Responden

Demografi peserta responden ini telah dibentuk dari segi jantina, umur, bangsa, agama, tahun pengajian dan fakulti pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Pagoh, Johor. Jadual 1 menunjukkan ciri demografi responden. Jadual 1 di bawah menunjukkan bahawa daripada 157 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini, bilangan responden lelaki seramai 46 orang (29.3%) dan responden perempuan seramai 111 orang (70.7%). Pada peringkat umur pelajar, jadual menunjukkan bahawa majoriti responden tertinggi adalah pelajar yang memiliki tahap umur 22 tahun hingga 23 tahun iaitu seramai 86 orang (54.8%), diikuti oleh pelajar yang memiliki tahap umur 20 tahun hingga 21 tahun iaitu seramai 37 orang (23.6%), kemudian diikuti oleh tahap umur 18 tahun hingga 19 tahun seramai 22 orang (14%), dan diikuti pula oleh tahap umur 24 tahun hingga 25 tahun seramai 9 orang (5.7%), dan terakhir adalah pelajar yang memiliki tahap umur atas 25 tahun iaitu seramai 3 orang (1.9%). Daripada jadual juga dapat diketahui bahawa majoriti responden tertinggi adalah bangsa Melayu iaitu seramai 122 orang (77.7%), kemudian diikuti oleh bangsa Cina seramai 21 orang (13.4%), seterusnya adalah bangsa India seramai 7 orang (4.5%) dan bangsa lain-lain iaitu seramai 7 orang (4.5%). Jadual di bawah juga menjelaskan kepada kita bahawa agama Islam merupakan tahap tertinggi dalam kajian ini iaitu seramai 125 orang (79.6%), diikuti oleh agama Buddha iaitu seramai 17 orang (10.8%), kemudian diikuti oleh agama Hindu iaitu seramai 7 orang (4.5%), diikuti oleh agama Kristian iaitu seramai 7 orang (4.5%) dan terakhir adalah lain-lain agama iaitu seramai 1 orang (0.6%). Tahun Pengajian pula dapat dilihat dalam jadual ianya menunjukkan bahawa responden tertinggi adalah daripada pelajar tahun 4 iaitu seramai 81 orang (51.6%), diikuti oleh pelajar tahun 1 iaitu seramai 37 orang (23.6%), kemudian diikuti oleh pelajar tahun 3 iaitu seramai 23 orang (14.6%) dan terakhir adalah pelajar tahun 2 seramai 16 orang (10.2%). Justeru itu, daripada jadual juga dapat diketahui bahawa pelajar dari Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) merupakan tahap tertinggi dalam kajian ini iaitu seramai 97 orang (61.8%), diikuti oleh Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) iaitu seramai 46 orang (29.3%) dan Pusat Pengajian Diploma (PPD) iaitu seramai 14 orang (8.9%).

**Jadual 1** Maklumat demografi responden

Latar Belakang Pelajar	Maklumat	Kekerapan	Peratusan (%)
<b>Jantina</b>	Lelaki	46	29.3
	Perempuan	111	70.7
<b>Umur</b>	18 tahun - 19 tahun	22	14
	20 tahun - 21 tahun	37	23.6
	22 tahun - 23 tahun	86	54.8
	24 tahun - 25 tahun	9	5.7
	Atas 25 tahun	3	1.9
<b>Bangsa</b>	Melayu	122	77.7
	Cina	21	13.4
	India	7	4.5
	Lain-lain	7	4.5
<b>Agama</b>	Islam	125	79.6
	Buddha	17	10.8
	Hindu	7	4.5
	Kristian	7	4.5
	Lain-lain	1	0.6
<b>Tahun Pengajian</b>	Tahun 1	37	23.6
	Tahun 2	16	10.2
	Tahun 3	23	14.6
	Tahun 4	81	51.6
<b>Fakulti</b>	Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST)	97	61.8
	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	46	29.3
	Pusat Pengajian Diploma (PPD)	14	8.9



## 4.2 Tahap Keruntuhan Akhlak

Berdasarkan data yang diperoleh daripada pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Pagoh, tahap keruntuhan akhlak bagi pelajar dapat dikelaskan mengikut kekerapan melakukan aktiviti tertentu. Terdapat 14 aktiviti atau item yang diklasifikasikan sebagai kelakuan keruntuhan akhlak seseorang. Antaranya adalah berlumba haram, merokok, mengambil dadah, berjudi, mencuri, berkhawat dan pelbagai lagi. Tahap keruntuhan akhlak di ambil kira melalui lima skala iaitu tidak pernah, jarang-jarang, kadangkala, kerap dan amat kerap. Dalam aspek tahap keruntuhan akhlak, jumlah min yang tertinggi adalah 1.76 iaitu merujuk kepada aktiviti melayari video/gambar lucah (item ke 11). Manakala item yang menunjukkan skor min paling rendah adalah item ke 12 dengan skor min adalah 1.02. Item ke 12 adalah aktiviti menggugurkan bayi, dimana ia menunjukkan bahawa bilangan pelajar yang menggugurkan bayi adalah tidak pernah dalam kalangan komuniti pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Pagoh. Walau bagaimanapun, dapatan kajian dan skor min menunjukkan kesemua item mempunyai skor min melebihi 1.0.

**Jadual 2 Tahap keruntuhan akhlak**

No.	Item	n(%)					Min	Sisihan Piawai	
		TP	JJ	KK	K	SK			
1.	Berlumba haram	141 (89.8)	6 (3.8)	6 (3.8)	3 (1.9)	1 (0.6)	1.18	.615	
2.	Merokok	117 (74.5)	15 (9.6)	14 (8.9)	5 (3.2)	6 (3.8)	1.50	1.004	
3.	Mengambil dadah	148 (94.3)	8 (5.1)	0 (0)	1 (0.6)	0 (0)	1.07	.323	
4.	Berjudi	142 (90.4)	11 (7)	2 (1.3)	2 (1.3)	0 (0)	1.13	.468	
5.	Mencuri	137 (87.3)	17 (10.8)	1 (0.6)	0 (0)	2 (1.3)	1.17	.557	
6.	Meminum alkohol	130 (82.8)	12 (7.6)	7 (4.5)	5 (3.2)	3 (1.9)	1.34	.859	
7.	Bertzina	118 (75.2)	19 (12.2)	11 (7)	8 (5.1)	1 (0.6)	1.44	.880	
8.	Lari dari rumah	137 (87.3)	13 (8.3)	5 (3.2)	1 (0.6)	1 (0.6)	1.20	.582	
9.	Sumbang Mahram	136 (86.6)	8 (5.1)	9 (5.7)	3 (1.9)	1 (0.6)	1.25	.704	
10.	Melakukan perbuatan tidak sopan dikhalayak ramai	101 (64.3)	32 (20.4)	15 (9.6)	7 (4.5)	2 (1.3)	1.58	.928	
11.	Melayari video/gambar lucah	92 (58.6)	34 (21.7)	13 (8.3)	10 (6.4)	8 (5.1)	1.76	1.133	
12.	Menggugurkan bayi	153 (97.5)	4 (2.5)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	1.03	.158	
13.	Kurang adab terhadap orang tua	91 (58)	45 (28.7)	11 (7)	9 (5.7)	1 (0.6)	1.62	.895	
14.	Berkhawat	122 (77.7)	16 (10.2)	7 (4.5)	9 (5.7)	9 (5.7)	1.44	.956	
		<b>Jumlah min keseluruhan : 1.34</b>							

Berdasarkan jadual di atas, jumlah min tertinggi adalah pada item yang ke 11 dengan jumlah min 1.76 iaitu “melayari video/gambar lucu”. Hal ini berpunca daripada media sosial dan laman sesawang yang mempunyai banyak hiburan melampau tanpa mengasingkan batas umur dalam kalangan masyarakat. Hal ini mendorong mahasiswa dan remaja bawah umur untuk melayari sumber lucu daripada laman sesawang. Dalam kajian Nurul Izzah [18] menyatakan bahawa daya tarikan yang terpamer dalam media sosial telah mempengaruhi akhlak remaja serta pelajar pada masa kini terutamanya kepada bahan-bahan yang berunsurkan lucu dan tidak mendatangkan kebaikan kepada mereka. Menurut Sulong et al. [26], kecanggihan laman sesawang membolehkan pelajar mendapat akses mudah kepada sumber yang berasaskan pengaruh budaya barat dan aksi tidak sesuai untuk tontonan. Justeru, membuatkan pelajar terpengaruh untuk menonton video tidak sepatutnya. Aktiviti menggugurkan bayi adalah min terendah daripada kesemua item di atas iaitu 1.02. Majoriti pelajar tidak pernah melakukannya, hal ini kerana didikan akhlak yang baik dan jarang terdedah dengan aktiviti seperti melakukan hubungan seks, pergaulan bebas dan menggugurkan bayi. Akhlak yang baik ini mampu mendorong seseorang mahasiswa untuk menjauhkan diri daripada aktiviti yang sedemikian [15]. Menurut Mariam Abdul Majid, et.al [27] dalam kajiannya, pergaulan bebas mampu menjadi punca kepada kes kehamilan luar nikah dan menggugurkan bayi.

### 4.3 Punca Keruntuhan Akhlak

Dalam aspek punca keruntuhan akhlak, jumlah skor min yang paling tinggi adalah item nombor lima sebesar 4.28 iaitu “sikap ingin tahu remaja”. Manakala punca yang paling rendah adalah item nombor 3 iaitu “kesibukkan ibu bapa” dengan jumlah skor min sebesar 3.76. Jumlah keseluruhan untuk kesemua item adalah 4.05.

**Jadual 3 Punca Keruntuhan Akhlak**

No.	Item	n(%)					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	KS	S	SS		
1.	Kekurangan kasih sayang	5 (3.2)	9 (5.7)	33 (21)	55 (35)	55 (35)	3.93	1.038
2.	Pengaruh media massa	2 (1.3)	6 (3.8)	28 (17.8)	43 (27.4)	78 (49.7)	4.20	.950
3.	Kesibukkan ibu bapa	7 (4.5)	16 (10.2)	35 (22.3)	49 (31.2)	50 (31.8)	3.76	1.133
4.	Pengaruh rakan sebaya	3 (1.9)	6 (3.8)	22 (14)	46 (29.3)	80 (51)	4.24	.961
5.	Sifat ingin tahu remaja	2 (1.3)	6 (3.8)	21 (13.4)	44 (28)	84 (53.5)	4.29	.927
6.	Kurang pendedahan agama	3 (1.9)	15 (9.6)	40 (25.5)	45 (28.7)	54 (34.4)	3.85	1.057

**Jumlah keseluruhan : 4.05**

Daripada jadual diatas, didapati punca keruntuhan akhlak adalah sifat ingin tahu remaja dengan jumlah min tertinggi iaitu sebanyak 4.29. Hal ini kerana remaja lebih cenderung untuk mencuba sesuatu perkara yang baru untuk mengikuti perkembangan terkini. Secara dasarnya, sifat ingin tahu yang tinggi dalam kalangan mahasiswa adalah baik untuk perkembangan dan pengalaman seorang mahasiswa namun yang menimbulkan masalah apabila mereka tersilap langkah dalam memilih perkara yang mereka ingin tahu. Justeru, perasaan ingin tahu akan mendorong mahasiswa untuk melakukan apa sahaja perkara tanpa menghiraukan sebab dan akibat dari perbuatan tersebut. Menurut Zainuddin Sharif [28] bahawa punca keruntuhan akhlak adalah datang dari diri individu sendiri. Beliau juga menegaskan bahawa remaja pada zaman sekarang suka untuk mencuba perkara yang baru dan bebas melakukan apa sahaja tanpa keizinan ibu-bapa mereka. Manakala punca terendah iaitu kesibukkan ibu bapa dengan skor min 3.76. Bila diperhatikan daripada jumlah min dapat diketahui bahawa ramai

pelajar yang bersetuju dengan hal tersebut, namun sesetengah pelajar yang lain ada juga yang tidak bersetuju dengan hal itu. Hal ini kerana mahasiswa berpendapat bahawa faktor keruntuhan akhlak remaja tidak keseluruhan berpunca dari kesibukkan ibu bapa namun berpunca dari mahasiswa itu sendiri. Namun, kesibukkan ibu bapa juga turut menyumbang terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan mahasiswa. Menurut Zainudin dan Norazmah [28] bahawa ibu-bapa bukan penyumbang terbesar terhadap punca keruntuhan akhlak remaja, kerana ibu-bapa telah memainkan peranan yang secukupnya dalam membentuk kepribadian anak sama ada di rumah mahupun di sekolah. Tidak semua pelajar memiliki kedua orang tua bekerja di luar rumah, ramai juga ibu rumah tangga yang duduk di rumah untuk menjaga dan mendidik anak-anak mereka. Daripada sini dapat kita ketahui bahawa aktiviti yang tidak baik dilakukan remaja bermula daripada diri sendiri dan juga pergaulan yang diperoleh daripada luar.

#### 4.4 Cara Mengatasi Keruntuhan Akhlak

Cara mengatasi keruntuhan akhlak memiliki 5 item, daripada kelima item tersebut yang paling tertinggi ialah item pertama iaitu “didikan agama atau beribadah” dengan jumlah skor min 4.42. Manakala kadar yang paling rendah adalah item ke dua iaitu “bimbingan kaunseling” dengan jumlah skor min 3.72 dan jumlah keseluruhan min bagi cara mengatasi keruntuhan akhlak adalah 4.21.

**Jadual 4** Cara mengatasi keruntuhan akhlak

No.	Item	n(%)					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	KS	S	SS		
1.	Didikan agama/beribadah	0 (0)	2 (1.3)	21 (13.4)	43 (27.4)	91 (58)	4.4 2	.769
2.	Bimbingan kaunseling	11 (7)	15 (9.6)	35 (22.3)	43 (27.4)	53 (33.8)	3.7 2	1.219
3.	Mengisi masa lapang dengan perka berfaedah	0 (0)	3 (1.9)	27 (17.2)	52 (33.1)	75 (47.8)	4.2 7	.812
4.	Mengeratkan hubungan dengan ibu bapa	0 (0)	3 (1.9)	33 (21)	47 (29.9)	74 (47.1)	4.2 4	.841
5.	Memilih rakan sebaya yang baik	0 (0)	4 (2.5)	17 (10.8)	46 (29.3)	90 (57.3)	4.4 1	.785

**Jumlah keseluruhan : 4.21**

Berdasarkan jadual diatas, item 1 didikan agama dan beribadah dengan nilai min 4.42, merupakan pilihan yang tertinggi oleh responden sebagai cara untuk mengatasi keruntuhan akhlak. Hal ini dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya, agama memberi peranan yang penting sebagai panduan dalam kehidupan manusia terutamanya untuk golongan remaja yang sering berhadapan dengan dilema dalam pencarian identiti diri. Selain itu, didikan agama juga memberi impak dalam membentuk spiritual atau jiwa yang murni [29]. Hal ini kerana, setiap agama mengajarkan umat atau penganutnya untuk mempunyai akhlak yang baik kerana ianya adalah petunjuk sebenar dalam menilai kualiti kecemerlangan sesebuah tamadun [15]. Contohnya umat Islam, yang mementingkan al-Quran dan al-Sunnah dalam pembentukan akhlak. Bimbingan kaunseling pula sebagai pilihan terendah sebagai cara mengatasi keruntuhan akhlak yang paling kurang efektif kerana, pelajar tidak yakin untuk berkomunikasi dengan orang luar. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Mustaffa & Ahmad [30] yang bertajuk Pendekatan Temubual Sebagai Metod Kajian Kes: Suatu Persepsi Di Kalangan Pelajar Perempuan Cemerlang Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling. Kajian tersebut mendapati bahawa pelajar kurang yakin dengan profesionalisme kaunselor untuk menyimpan rahsia peribadi mereka dan takut rahsia itu terbongkar kepada ibu bapa atau orang lain. Pelajar juga tidak menggunakan khidmat kaunseling kerana mereka merasakan masalah yang dilalui adalah tidak begitu berat dan mampu ditangani secara bersendirian.



## 5. Kesimpulan

Idea dan tugas untuk membangun, memupuk mahupun meningkatkan mutu akhlak setiap insan terutamanya di kalangan remaja adalah suatu tanggungjawab yang amat besar. Ia tidak dapat dilakukan dengan jayanya kecuali dengan kewujudan dan kerjasama daripada manusia yang berjiwa besar serta mempunyai kualiti kemanusiaan yang agak tinggi. Ia harus bermula dengan melahirkan para remaja iaitu bakal pemimpin yang berakhlak mulia, beriman dan juga bertakwa.

Sehubungan dengan itu, dengan kewujudan para remaja yang soleh dan bertakwa seluruh agen sosialisasi dan jentera kerajaan akan menghala ke arah yang sama. Pengaruh luar yang buruk akan disekat samada dalam rancangan televisyen, internet mahupun pengaruh lain yang akan mengancam jati diri dan maruah remaja. Tambahan pula, dasar-dasar kementerian dan agensi pembangunan masyarakat akan selaras dengan tuntutan nilai dan akhlak. Tidak berlaku proses pertentangan antara kerja membangun dan merosak akhlak serentak dalam jentera-jentera berkenaan. Langkah-langkah demi menangani gejala keruntuhan dan kemerosotan akhlak akan dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menyeluruh. Segala usaha akan dimanfaatkan dalam menjana kekuatan bagi meningkatkan martabat para remaja dalam semua bidang yang sedia ada.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan yang diberi sehingga kajian ini berjaya untuk diterbitkan.

## Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

## Rujukan

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Akhlak, Keruntuhan Akhlak, Remaja. Retrived: 7 Disember 2023, From: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=jabar&d=175768&>

Abdullah Nashih Ulwan. (1989). *Pedoman Pendidikan Anak-anak dalam Islam*. Klang: Klang Book Centre.

Razaleigh Muhamat & Ahmad Tarmizi Talib. (2010). Penyelesaian Masalah Belia dari Perspektif Agama. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 3 (2010), 38-51.

Abdullah Nashih Ulwan. (1998). *Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam*, Jilid 1. Kuala Lumpur: Penerbit JAKIM [Jabatan Kebajikan Islam Malaysia].

Rice, F. Philip. & Dolgin Kim Gale. (2008). *The Adolescent Development: Relationship and Culture*. Boston: Pearson Education, 12nd edition.

Suzane, J. Jas Laile. (2002). *Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn Bhd.

Laurence Steinberg. (2011). *Adolescence*. New York: McGraw Hill, 9th edition.

Gary M. Ingersoll. (1989). *Adolescence*. New Jersey: Prentice Hall, 2nd edition.

Muhammad Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd Tamin. (1992). *Psikologi Remaja*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

Kamus Za'ba. (2001). *Kamus Za'ba*. Selangor: Pustaka Antara.

Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar. (2012). Memperkasa Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam dalam Pengajaran Akhlak. *Jurnal Hadhari*, Edisi Khas, 23-35.

Al-Ghazali, M. (1988). *Ihya' Ulumuddin*. Singapura: Pustaka Nasional.

Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa & Siti Aishah. (2012). Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu. *Jurnal Hadhari*, Edisi Khas, 143-154.

Mohd Nasir Omar. (2010). *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].

Amy Argue, David R. Johnson & Lynn K.White. (1999). Age and Religiosity: Evidence from a Three-Wave Panel Analysis. *Journal for the Scientific Study of Religion*, 38(3), 423-435.

Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim. (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan di Malaysia (Review on the Importance of Human Capital Development in Malaysia). *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(1), 75-89.

Idris, Rohaniza & Umi Nadirah Abdul Rahman. (2010, Ogos 14). "Empat Lagi Kes Buang Bayi" (1 Mei 2023). From: <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Empatlagikesbuangbayi/Article>.

Nasarudin Desa, Tengku Intan Zarina, Sabri Mohamad. (2018). Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *Jurnal Al-Turath*, 3(1), 55-63.

Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Ahmad Syukran Baharuddin & Zulfakar Mamat. (2022). Issue of Moral Degradation Among Muslim Adolescents in Malaysia: Issues, Challenges and Suggested Solutions. *Al-Qanatir*, 26(2), 47-61.

Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden. *Jurnal Al-Tamadun*, 6(2011), 107-121.

Nurul Izzah Noor Zainan. (2021). Impak Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar: Satu Tinjauan Awal. *Proceedings Of International Conference On Language, Education, Humanities and Social Sciences*, (i-LEdHS2021), 98-103.

Mohamad Ghazi Faris Abd Mutalib. (2020). Pemulihan Akhlak Remaja Melalui Pendekatan Tahfiz di Malaysia: Tinjauan Awal. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 134-140.

Rohana Tan, Norhasni Zainal Abidin & Andi Suwirta. (2016). Faktor yang Mempengaruhi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Belia di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *INSANCITA*, 1(1), 55-66.

Robiah Abdullah. (2001). Sosilologi Pendidikan. Selangor: Logman Malaysia Sdn Bhd.

Sarina Othman. 1995. Menangani Masalah Bohsia, Moral dan Pendidikan. 7. ms. 48-50.

Michael J. Donahue & Peter L. Benson. (1995). Religion and The Well-Being of Adolescents. *Journal of Social Issues*, 51(2), 145-160.

Leslie J. Francis. (1997). The Impact of Personality and Religion on Attitudes Towards Substance Use Among 13-15 Year Olds. *Drug and Alcohol Dependence*, 44(2-3), 95-103.

Najmul Hasan & Bao Yukun. (2020). Impact of "E-Learning Crack-Up" Perception on Psychological Distress among College Students during COVID-19 Pandemic: A Mediating Role of "Fear of Academic Year Loss". *Children and Youth Services Review*, Volume 118, 105355 (2020).

Norma Jusof & Mohd Isa Hamzah. (2020). Kemahiran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Berpusatkan Murid: Satu Analisa. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 1-26.

Abdullah Sulong & Mawaddah Abdullah. (n.d.). *Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar*. Retrieved: 12/9/2023, from: <https://core.ac.uk/download/11786196.pdf>.

Mariam Abdul Majid, Nurul Zafirah Azman & Muhammad Yusof Marlon. (2020). Implikasi Dialami Remaja Hamil Luar Nikah: Kajian Dipusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 71-84.

Zainuddin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1(2011), 115-140.

Zainudin Sharif & Norazmah Mohammad Roslan. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1(2011), 115-140.

Habibie Bte Hj Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Peradani, Puteri Hayati Megat Ahmad & Nurul Hudani. (2018). Peranan dan Tanggung Jawab Ibu Bapa Dalam Mengasuh Anak Dan Remaja. *Asian Social Work Journal*, 3(5), 18-24.

Mohamed Sharif Mustaffa & Roslee Ahmad. (2005). *Pendekatan Temubual Sebagai Metod Kajian Kes: Suatu Persepsi Di Kalangan Pelajar Perempuan Cemerlang Terhadap Perkhidmatan Bimbingan DanKaunseling*. 3rd International Qualitative Research Convention 2005 on 21-23 August 2005 at Hotel. Anjuran QRAM dan Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. 2-13.